

SIARAN MEDIA

Embargoed: 11 May 2010

Our Ref: CBMR-3-RFI-8-CGSO-V1

Date: 10 May 2010

MAJLIS DIALOG PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN SASARAN PENTING & BENGKEL KESEDARAN PELAKSANAAN ISMS PERINGKAT ZON SABAH & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

'CNII' menjadi sasaran bagi penjenayah dan pengganas siber

Kota Kinabalu, 11 May 2010 - Maklumat merupakan salah satu aset yang berharga masa kini dan kehilangan maklumat-maklumat penting dan kritikal mampu melumpuhkan operasi sesebuah organisasi. Dalam kepesatan arus teknologi maklumat, organisasi-organisasi kini menjadi sasaran kepada penjenayah-penjenayah siber. Sebarang serangan atau sabotaj yang dilakukan sama ada ianya disedari atau tidak, mampu mengancam dan menggugat keselamatan negara. Oleh itu, adalah amat penting bagi organisasi-organisasi mempunyai pengurusan sistem keselamatan maklumat yang jitu agar aspek kerahsiaan (*confidentiality*), integriti dan kewujudan (*availability*) maklumat dapat dipertahankan.

Justeru, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri (CGSO) bersama CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah kawalselia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), pada hari ini telah menganjurkan Majlis Dialog Pengurusan Keselamatan Perlindungan Sasaran Penting & Bengkel Kesedaran Pelaksanaan MS ISO/IEC 27001:2007 Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) Peringkat Zon Sabah & Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurut, Dato' Hj Johari bin Hj Jamaluddin, Ketua Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, objektif utama majlis dialog dan bengkel ini adalah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya pelaksanaan pensijilan ISMS kepada organisasi-organisasi yang dikenalpasti sebagai Prasarana Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure - CNII*).

"Selain daripada itu, majlis dialog dan bengkel ini diadakan supaya CNII terbabit dapat mengenalpasti skop pensijilan ISMS serta produk dan perkhidmatan kritikal mereka kepada masyarakat dan negara", tambah Dato' Hj Johari.

Menyedari akan pelbagai ancaman yang timbul terhadap keselamatan maklumat yang berupaya mengancam kedaulatan negara, MOSTI telah melaksanakan kajian untuk mengadakan Dasar Keselamatan Siber Nasional pada tahun 2005 yang bertujuan untuk menilai dan menangani risiko yang akan dihadapi oleh CNII.

Dasar ini yang diterima untuk pelaksanaan pada tahun 2006 menggariskan pelan-pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan risiko ancaman siber terhadap CNII termasuklah mengenalpasti langkah-langkah keselamatan siber yang tepat,

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8945 3205

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my



membangunkan program keselamatan siber yang menyeluruh dan kerangka kerja melindungi CNII.

Menurut Ketua Pegawai Operasi CyberSecurity Malaysia, Zahri Yunos, “Dasar Keselamatan Siber Nasional telah dirangka sebagai pendekatan yang komprehensif dan bersepadu dalam memelihara e-sovereignty (e-kedaulatan) negara dan menangani isu-isu berkaitan keselamatan siber terutamanya ke atas Prasarana Kritikal Maklumat Negara”.

Zahri turut menerangkan bahawa Dasar tersebut mentakrifkan CNII Malaysia sebagai aset, sistem dan fungsi yang penting kepada negara di mana sebarang gangguan atau kemusnahan akan membawa kesan buruk kepada ekonomi, imej; keselamatan dan pertahanan negara, keupayaan kerajaan untuk berfungsi, dan keselamatan dan kesihatan awam.

“Salah satu fokus utama dalam Dasar ini adalah pematuhan dan penggunaan standard keselamatan maklumat oleh agensi/organisasi CNII” katanya lagi.

~ tamat ~

About CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia is the national cyber security specialist centre under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Malaysia. Our services include:

- Cyber999™ Help Centre
- Digital Forensics / CyberCSI™
- Security Management and Best Practices
- Security Assurance
- Vulnerability Assessment Services (MyVAC)
- Malaysia Common Criteria Scheme (MyCC)
- Information Security Professional Development
- CyberSAFE (Outreach Programmes)
- Cyber Security Policy Research

For more information about CyberSecurity Malaysia, please visit our corporate website www.cybersecurity.my or contact Mr. Mohd Shamil Mohd Yusoff (shamil@cybersecurity.my) / Ms. Sandra Isnaji (sandra@cybersecurity.my)

To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ service, please email to cyber999@cybersecurity.my

